



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HAWAR BERDARAH BERI IMPAK BESAR JIKA TIDAK DIBENDUNG, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	10 FISHING BOATS DETAINED BY NAVY, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	KERAJAAN NEGERI BAKAL DIBENTUK PERLU HALA TUJU SEIRING DENGGA PUSAT: KIAANDEE, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/9/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Hawar berdarah beri impak besar jika tidak dibendung



Ahmad Amzad (dua dari kanan) yang masih dalam cuti sakit akibat pembedahan baru-baru ini meluangkan masa melihat keadaan kerbau peliharaan keluarga Muhammad Syukur di Kampung Baggol Katong, Serada hari ini. - Foto Facebook Ahmad Amzad

KUALA TERENGGANU – Kematian puluhan ekor kerbau ditanam keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih sinonim dengan gelaran 'Mowgli Malaysia' yang dikaitkan dengan penyakit heamorrhagic septicaemia (HS) atau hawar berdarah memberi impak besar sekiranya tidak dibendung.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Ahmad Amzad Hashim berkata, sektor penternakan di negara ini juga berisiko mengalami kerugian jika wabak itu terus menyerang haiwan peliharaan yang tidak mendapat suntikan vaksin sewajarnya.

Menurutnya, mereka yang mengalami musibah itu wajar mendapat pembelaan dan dibantu kerana mengalami kerugian cukup besar.

"Saya hubungi Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Che Abdullah Mat Nawi menyatakan harapan supaya penternak ini dibantu kerajaan.

"Saya juga minta penduduk setempat dapat sama-sama membantu setakat termampu terutama membina pagar di kawasan keliling kandang supaya ternakan yang masih hidup dapat diselamatkan dan tidak memasuki kawasan lain.

"Dalam keadaan begini, Pak Khamis amat memerlukan sokongan material dan moral. Kita juga akan bantu serba sedikit untuk biayai kos sewa jentolak untuk proses menanam bangkai haiwan dengan segera," katanya.

Terdahulu, Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu melawat kandang kerbau peliharaan Muhammad Syukur sekeluarga di Kampung Baggol Katong di sini hari ini dan setakat hari ini kematian kerbau hampir mencecah 50 ekor.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan lebih 36 ekor daripada 110 ekor kerbau milik keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' mati dipercayai diserang penyakit heamorrhagic septicaemia (HS) atau hawar berdarah.

Headline	10 fishing boats detained by navy		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	16 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	5	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	242 cm ²
Journalist	Stefyanie Myla Micheal	AdValue	RM 514
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,543



Navy personnel checking a fishing boat.

10 fishing boats detained by navy

Stefyanie Myla Micheal

SEPANGGAR: Ten fishing boats were detained out of the 1,174 inspections carried out by Royal Malaysian Navy (TLDM) in the East Coast Op Benteng since May.

Datuk Pahlawan Syed Zahrul Putra Syed Abdullah, the TLDM Eastern Fleet Commander Vice Admiral cum Commander of the Maritime Components (MCC), fully supports the statement made by the Chief of Defence Force, General Tan Sri Affendi Buang who asserted that there will be no compromise on illegal immigrants (PATI) entering the country's waters, especially in Sabah and Sarawak.

"The main objective of Op Benteng is to strengthen border control of our waters in Sabah and Sarawak to curb the spread of the Covid-19 pandemic.

"TLDM through the East Maritime Coordination Center (East MCC) is always committed in protecting the country's waters from being invaded by Illegal Immigrants (PATI)," he said.

Syed Zahrul said although the TLDM is responsible for preserving the sovereignty of Malaysian waters through various operations in the South China Sea, the Op

Benteng assignment should not be underestimated.

"TLDM ships, including combat ships, are actively conducting patrols and inspections on fishing boats carrying out fishing activities in the waters of Sabah and Sarawak.

"This action has been implemented in compliance with the Standard Operating Procedure (SOP) which has been outlined in order to preserve the safety and health of all navy men involved.

"As proof of the TLDM's commitment with other maritime enforcement agencies such as the Maritime Enforcement Agency, PDRM Marine Operations Force and Fisheries Department, in the operation, a total of 1,174 inspections were carried out on fishing boats with 10 arrests made," he said.

Syed Zahrul also stressed that TLDM will always be vigilant in maintaining the national maritime defence from encroachment.

"TLDM along with other agencies are always serious in carrying out patrols regardless of time to succeed in the mission to curb the entry of illegal immigrants via sea," he said.

Headline	Kerajaan negeri bakal dibentuk perlu hala tuju seiring dengan pusat: Kiandee		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	16 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 253
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 759



Kerajaan negeri bakal dibentuk perlu hala tuju seiring dengan pusat: Kiandee

BELURAN: Kerajaan negeri baharu yang bakal dibentuk selepas Pilihan Raya Negeri pada 26 September ini perlu mempunyai hala tuju seiring dengan kerajaan persekutuan.

Naib Presiden Bersatu merangkap Setiausaha Bersatu Sabah, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, ia bagi membolehkan pembangunan yang diperlukan oleh masyarakat luar bandar dapat dilaksanakan sewajarnya.

"Luar bandar masih memerlukan infrastruktur, oleh itu dana berterusan adalah perlu untuk melihat lebih banyak pembangunan asas diperlukan rakyat disediakan.

"Bekalan elektrik, air, jalan kampung, sekolah, klinik dan kemudahan pembaikan rumah dan sebagainya semua memerlukan dana yang besar daripada kerajaan persekutuan," katanya pada Majlis Ramah Mesra Bersama Calon Perikatan Nasional (PN) Samad Jambri DUN Labuk di Dewan Serbaguna Kampung Ranpek, di sini.

Justeru itu, katanya, rakyat di negeri ini diharap dapat menggunakan sepenuhnya hak sebagai pemilih agar kerajaan negeri seterusnya menyokong sepenuhnya kepimpinan kerajaan persekutuan diterajui Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.